



5 kluster tempat kerja dikenal pasti

Melibatkan Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka dan Negeri Sembilan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Sebanyak 1,070 kes harian positif Covid-19 dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Isnin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak 352,029 kes.

“Daripada jumlah kes baharu itu, sembilan melibatkan kes import dan 1,061 kes penularan dalam negara,” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, terdapat 14,278 kes aktif dilaporkan di seluruh Malaysia.

“KKM turut menerima laporan tujuh kes kematian berkaitan Covid-19 iaitu empat kes dilaporkan di hospital di Sela-

ngor, dua di Sabah dan satu di Johor,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kesemua kes kematian melibatkan warga tempatan berumur 49 hingga 86 tahun yang mempunyai pelbagai penyakit kronik menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian adalah sebanyak 1,295 kes.

“Sebanyak 1,294 kes pulih dilaporkan pada Isnin menjadikan jumlah kumulatif kes pulih 336,456 kes bersamaan 95.6 peratus daripada keseluruhan kes,” katanya.



DR NOOR HISHAM

Mengulas lanjut mengenai penularan dalam negara, beliau berkata, daripada 1,061 kes, sebanyak 904 kes melibatkan rakyat tempatan dan 157 warga asing.

Menurutnya, Selangor kekal negeri tertinggi kes positif Covid-19 sebanyak 327 kes.

“Daripada jumlah tersebut, sebanyak 248 kes adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

“Ia diikuti oleh Sarawak sebanyak 225 kes, Pulau Pinang (133), Kuala Lumpur (88), Sa-

bah (65), Johor (55), Pahang (37) dan Kedah (34).



“Negeri lain ialah Kelantan dengan 31 kes, Melaka (25), Labuan (17), Putrajaya (lapan), Perak (lapan), Terengganu (tiga) dan Perlis (dua),” katanya.

Dalam perkembangan sama, Dr Noor Hisham berkata, terdapat enam kluster baharu dikenal pasti melibatkan lima kluster tempat kerja dan satu komuniti.

“Kluster tempat kerja ialah Lorong Dua dan Taman Komersial di Selangor, Jalan Inovasi melibatkan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Jalan Mata Kuching di Melaka dan Persiaran Utama, Negeri Sembilan.

“Kluster komuniti, Bukit Sera pula dikesan di Kedah,” kata beliau.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	352,029	PULIH:	336,456	ICU:	180	KEMATIAN:	1,295	KES BAHARU	+1,070	SUDAH DIVAKSIN	801,773
---------------------	---------	--------	---------	------	-----	-----------	-------	------------	--------	----------------	---------

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 350,959 kes kepada 352,029 kes

